



UNTUK SIARAN SEGERA

SIARAN MEDIA

JABATAN PERIKANAN KOMITED MENJALANKAN KAJIAN STOK IKAN KEMBUNG HINGGA DISEMBER 2017

PUTRAJAYA, 1 Mac 2017:- Jabatan Perikanan sedang menjalankan kajian ikan kembung di peringkat nasional di dua (2) lokasi terpilih iaitu di **Kuala Perlis, Perlis dan Tok Bali, Kelantan** bagi tempoh 20 dari bulan April 2016 hingga Disember 2017.

Menurut Ketua Pengarah Perikanan, Datuk Ismail Abu Hassan berkata, kajian yang dijalankan oleh Jabatan Perikanan adalah untuk mendapatkan maklumat bagi dua (2) spesies *R. kanagurta* (Kembung borek) dan *R. brachysoma* (Kembung pelaling) berkaitan tren penangkapan ikan kembung, komposisi spesies ikan kembung, dan musim pembiakan ikan kembung. Kedua-dua lokasi yang dipilih adalah mewakili status stok ikan di perairan Pantai Barat dan Pantai Timur Semenanjung Malaysia.

Ismail berkata, kajian ini akan diteruskan sehingga akhir bulan 2017 dan hasil kajian akan dapat menentukan sumber, biologi serta musim pembiakan dan bertelur bagi spesies kembung. Maklumat-maklumat ini akan dapat membantu pihak pengurusan untuk menentukan pelaksanaan musim tertutup bagi spesies ini di kawasan Pantai Barat dan Pantai Timur Semenanjung Malaysia, ujarnya ketika ditemui pemberita selepas Majlis Perundingan Industri Pemodenan Vesel Penangkapan Ikan di sini hari ini.

Turut hadir sama, Abu Talib Ahmad, Pengarah Kanan Bahagian Penyelidikan Perikanan, Tan Geik Hong, Pengarah Bahagian Pengurusan Sumber dan Dr. Alias Man, Penyelidik Kanan Jabatan Perikanan.

Mengulas mengenai kenaikan harga ikan kembung baru-baru ini, Ismail berkata, penurunan pendaratan spesies ini semasa musim tengkujuh dan di awal tahun telah menyebabkan kekurangan bekalan ikan tempatan yang mengakibatkan berlakunya kenaikan harga yang mendadak. Tren pendaratan ikan kembung adalah paling rendah pada bulan November hingga Mac dan akan meningkat mulai April setiap tahun. Hal ini amat berkaitan dengan stok sumber di samping faktor cuaca yang berlaku di sepanjang tahun.

Berdasarkan kajian *recruitment patterns* yang dijalankan oleh Jabatan Perikanan, stok ikan kembung akan mula tertangkap oleh pukot nelayan mulai April yang mana ini berkait dengan musim bertelur di sekitar bulan Jun dan September yang mengambil masa anggaran 8 bulan untuk ikan matang, ujarnya lagi.

Ikan kembung juga merupakan sumber yang dikongsi bersama (**shares stock**) di peringkat serantau seperti Thailand, Indonesia, Myanmar, Vietnam, Filipina serta Brunei dan penurunan pendaratan pada masa ini disebabkan sumber **bergerak ke kawasan lain** di dalam ekosistem Laut Andaman dan Laut China Selatan, tambah beliau.

“Ciri-ciri semulajadi ikan kembung suka bermigrasi secara berkumpulan bagi tujuan pembiakan dan mendapatkan makanan. Ini adalah berdasarkan kajian yang dijalankan selama 10 tahun oleh pihak *Southeast Asian Fisheries Development Center (SEAFDEC)* ke atas ikan kembung dan ikan selang”

“Faktor alam sekitar juga memainkan peranan yang penting dalam mempengaruhi pergerakan ikan kembung dan kejayaan pembiakan. Keadaan di mana proses pembiakan amat berjaya akan menyebabkan lambakan ikan. Apabila alam sekitar tidak sesuai maka pembiakan adalah tidak berjaya dan menyebabkan kekurangan ikan” jelas beliau lagi.

####


UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

Jabatan Perikanan Malaysia

1 Mac 2017 (Rabu)

Wisma Tani, Putrajaya

a. Trend Pendaratan Pantai Timur Semenanjung



b. Trend Pendaratan Pantai Barat Semenanjung

